

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS ANUGERAH GEMILANG SISWA 2011 (AGS)**  
**12 APRIL 2011**

---

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM.

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Dan Salam 1 Malaysia.

Y. Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Y. Bhg. Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan dan Wakil-wakil Media

Staf dan para mahasiswa UniMAP serta hadirin yang dikasihi sekalian.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair,  
Ra Thri Sawat.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana limpah kurniaNya, dapat kita bersama berhimpun pada Majlis Anugerah Gemilang Siswa Tahun 2010 kali ini. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Universiti Malaysia Perlis mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh hadirin kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bagi bersama-sama meraikan para penerima anugerah pada malam yang gemilang ini.

Saya percaya dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, malam berprestij ini akan bertambah meriah dan memberi seribu pengertian kepada penerima anugerah untuk terus menempa kecemerlangan di masa hadapan.

I am grateful to Allah Al-Mighty for giving us such opportunity to reunite, celebrating our award winners in this blissful night. I believe with the audiences presence tonight, will form such a momentous moment in encouraging our winners to continuously contribute and achieve excellence in the future.

Million congratulates to the organizing committee especially for Department of Student Affairs & Alumni for making this 6th Student Excellence Award Ceremony 2010, a success.

Commitment, dedication and teamwork from each of the committee members, putting everything in order to materialize this event such a triumph, is highly appreciated.

The Student Excellence Awards Ceremony is held with the intention to inspire and motivate all students to prepare themselves towards a more meaningful appreciation of knowledge and wisdom while studying on campus. Surely, the knowledge gained not just in college halls and laboratories alone. But the knowledge and wisdom in this ivory tower are exist in every angle space and every second of time as long as he or she is called a student in this northern knowledge valley.

Hadirin yang dihormati sekalian.

Mahasiswa merupakan aset paling penting kepada universiti. Manakala graduan yang kompeten pula menjadi antara aset negara paling berharga. Membangunkan modal insan, anjakan minda dan pemikiran mahasiswa merupakan salah satu cabaran terbesar universiti. Sekiranya kita ingin melangkah ke arena antarabangsa berpaksikan akademik dan penyelidikan, jika kita mahu UniMAP menjadi universiti tersohor tanahair dan kekal pada tahap tersebut, agenda pembangunan modal insan harus diutamakan.

Ini sejajar dengan misi UniMAP, “**Melahirkan Modal Insan Kamil yang Menyumbang kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara**”. Justeru, dalam melahirkan modal insan berminda kelas pertama, pihak universiti sentiasa berusaha menguna pakai pendekatan yang betul dan holistik untuk menerapkan kemahiran insaniah dikalangan mahasiswa.

Apatah lagi, dalam dunia pasaran kerjaya hari ini, ekspektasi majikan semakin meningkat dan persaingan adalah sengit. Memiliki ijazah semata-mata tidak dapat menjamin seseorang graduan mendapat pekerjaan. Hanya calon yang mempunyai nilai tambah atau ciri kelebihan berdaya saing sahaja mampu menarik minat majikan.

Kemahiran insaniah yang dimaksudkan adalah kebolehan berkomunikasi, penguasaan bahasa, keupayaan berfikir secara kritis, kemampuan menyelesaikan masalah, keserasian bekerja dalam pasukan, memiliki daya kesuahanan, bakat kepimpinan serta nilai moral dan etika yang tinggi.

Saya melihat dalam usaha kita melahirkan generasi yang celik minda dan cemerlang dalam pelbagai aspek, kita tidak boleh lupa akan kepentingan unsur-unsur kemanusiaan yang turut perlu dibangunkan. Sebagai graduan yang bakal dilahirkan oleh UniMAP ini, mahasiswa / siswi sekalian akan berdepan dengan pelbagai

situasi yang memerlukan kepada persiapan mental, fizikal dan jiwa yang mantap.

Justeru, UniMAP sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) saban hari menyerlah dengan pencapaian kita tersendiri, bukan sahaja mementingkan persoalan akademik malah berusaha memastikan graduan yang bakal dilahirkan memiliki personaliti yang cemerlang dan gemilang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Penerapan kemahiran dan nilai tambah ini jelas dapat dilihat pelaksanaannya melalui program akademik, kurikulum dan aktiviti-aktiviti sokongan kemahasiswaan bagi memastikan keseimbangan dalam modal insan yang dihasilkan. Antaranya program Rakan Pendamping Siswa (RPS), 7i, penubuhan kelab dan persatuan (terbaru adalah Kelab Penyelidik Muda – Envex Young Researcher Club (EYReC), pengwujudan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), aktiviti ko-kurikulum, penganjuran program kesenian dan kebudayaan (contohnya IMT-GT Varsity Carnival), aktiviti pengucapan awam, keilmuan, kejohanan sukan dan pameran-pameran penyelidikan dan rekacipta.

Seperti pertandingan 7<sup>th</sup> International Exhibition for Young Inventors (7<sup>TH</sup> IEYE 2010) yang berlangsung di Hanoi, Vietnam

pada 16 hingga 18 Disember 2010 lalu telah memenangi 6 pingat emas dan 1 pingat gangsa. Penganjuran yang terkini adalah International Engineering Invention & Innovation Exhibition 2011 (I- ENVE) yang berlangsung dari 7 hingga 10 April 2011 yang lepas.

Meskipun telah banyak yang kita usahakan, namun masih banyak lagi yang wajar kita laksanakan untuk mencapai hasrat mulia bersama. Tahap kemahiran insaniah mahasiswa UniMAP, mengikut kajian My3S, masih berada di tahap sederhana. Dengan skor 7.39 yang mengatasi skor peringkat nasional iaitu 7.23. Jelas bahawa tahap kemahiran insaniah mahasiswa kita perlu ditingkatkan lagi.

Saya amat optimis bahawa usaha-usaha pihak universiti ini berupaya menjana graduan dan generasi baru yang mampu memberi sumbangan kepada Negara, bangsa dan agama sama ada dari sudut kepakaran yang mereka perolehi dan juga dari sudut ketrampilan mereka.

Besarlah harapan saya agar agenda melahirkan modal insan kamil ini dapat dihayati oleh semua warga UniMAP sebagai asas pengembelangan tenaga ke arah merealisasikan pembangunan mahasiswa holistik sesuai dengan visi dan misi UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Majlis Anugerah Seri Gemilang ini diadakan dengan hasrat menjadi pendorong dan motivasi kepada seluruh pelajar untuk meyiapkan diri ke arah penghayatan ilmu yang lebih bermakna sepanjang pengajian di kampus.

Bagi memastikan status anugerah penganjuran kali ke-6 ini lebih berprestij dan berkualiti, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni selaku pengelola telah menubuhkan satu Jawatankuasa khas iaitu Panel Penilaian Pencalonan Anugerah bagi memilih calon yang paling berkelayakan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyemak, menilai dan menapis pencalonan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan mengikut kategori anugerah yang dipertandingkan.

Untuk makluman sidang hadirin sekalian, AGS yang diadakan saban tahun ini bukan sahaja dihadiri oleh para penerima anugerah yang terdiri daripada mahasiswa UniMAP sahaja. Malah pelajar-pelajar sekolah menengah yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM turut dijemput menerima penghargaan di atas kejayaan mereka.

Akhir kata, pesanan dari saya. Jadikanlah diri anda sebagai tauladan yang baik dan contoh terpuji kepada sahabat taulan dan

masyarakat dengan nilai moral dan sifat budi pekerti yang mulia apabila menempuh alam kerjaya nanti. Berusahalah bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang yang bakal anda ceburi sebagaimana anda telah memberikan komitmen dan pengorbanan dalam mengejar cita-cita ke menara gading.

Sebelum mengundur diri, izinkan saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah bagi tahun 2011 ini. Semoga anugerah yang diterima ini menjadi satu momentum dan daya saing untuk anda berusaha lebih gigih di masa depan. Transfomasikanlah diri anda menjadi mahasiswa yang bersedia melakukan transformasi sikap dan revolusi mental agar dapat menyumbang kepada organisasi, negara, bangsa dan agama setelah bergraduat nanti.

Izini saya mengakhiri ucapan dengan kata-kata ini :

**It wasn't Lady Luck who smiled  
Instead it is you who work extra mile**

**On you who brought you here  
Makes today we clap and cheer**

**Because you've done it the hard way**

**Driven by your own inner sway**

**You have contributed day and night**

**Every calculation your sums all right**

**Today is your day of bright shining sun**

**We are proud of what you have done**

**Reported far and short listed name of you**

**Finalized by our panel screening through**

**We think that you deserve to be**

**A winner with victory that we will let it be.**

Sekian.

Wabillahi      Taufik      Wal      Hidayah      Wassalammualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.